



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SELASA, 23 APRIL 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

23/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	EASIER NOW FOR FAMILIES TO VISIT GRAVES	
	https://www.newsarawaktribune.com.my/easier-now-for-families-to-visit-graves/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	JOM KUNJUNGI PAWE TANJONG KARANG KE ARAH KESEJAHTERAAN WARGA EMAS DALAM KOMUNITI	
	https://www.youtube.com/watch?v=9477BD0ZaSI	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
3	JKM KESAN IBU IZZ MATEEN, RAISYA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/660840/berita/semasa/jkm-kesan-ibu-izz-mateen-raisya	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	WANITA SIMBAH AIR PANAS PADA PEMUDA OKU DIDAKWA ESOK	
	https://www.kosmo.com.my/2024/04/22/wanita-simbah-air-panas-pada-pemuda-oku-didakwa-esok/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/selisih-faham-punca-wanita-simbah-air-panas-ke-arrah-lelaki-sindrome-down/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/04/22/selisih-faham-punca-wanita-simbah-air-panas-pada-pemuda-oku/	KOSMO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1237651/dendam-lama-punca-wanita-simbah-air-panas-terhadap-oku-polis	BHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=MvtDSDX5suc	YOUTUBE



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

23/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	GURU LELAKI PUKUL GURU WANITA DIREMAN TIGA HARI	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/guru-lelaki-pukul-guru-wanita-direman-tiga-hari/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=IIIZZXY6oDY	YOUTUBE
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/guru-lelaki-tumbuk-dan-sepak-guru-wanita-direman-tiga-hari/	BULETINTV3.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=UDnE514M5Es	YOUTUBE
	https://www.kosmo.com.my/2024/04/22/guru-lelaki-tumbuk-mata-cikgu-wanita-direman/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/660830/berita/semasa/guru-lelaki-pukul-rakan-sekerja-wanita-direman-tiga-hari	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1082499/guru-lelaki-didakwa-tumbuk-guru-wanita-direman-3-hari	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	PENCABUL KANAK-KANAK DITAHAN SELEPAS 9 HARI SEMBUNYI DI LADANG KELAPA SAWIT	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1082548/pencabul-kanak-kanak-ditahan-selepas-9-hari-semunyi-di-ladang-kelapa-sawit	HMETRO.COM.MY
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/22/kes-amang-seksual-di-betong-suspek-ditangkap-di-batu-niah-miri	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	SUSPEK RAGUT WANITA DI KLANG DITAHAN DI LANGKAWI	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1082623/suspek-ragut-wanita-di-klang-ditahan-di-langkawi	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

23/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
8	JURULATIH BOLA SEPAK SAMBILAN TAK MENGAKU CABUL TIGA PELAJAR	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1082493/jurulatih-bola-sepak-sambilan-tak-mengaku-cabul-tiga-pelajar	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	PEMBANTU AM DIDAKWA ROGOL ADIK SAUDARA DUA HARI SEBELUM AIDILFITRI	
	https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2024/04/pembantu-am-didakwa-rogol-adik-saudara-dua-hari-sebelum-aidilfitri/	UTUSAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2024/04/22/pemuda-didakwa-rogol-amang-seksual-adik-saudara/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/660807/berita/semasa/pembantu-am-mengaku-tidak-bersalah-rogol-amang-seksual-adik-saudara	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=HCYgqOumr3U	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=V3HkxA4cKM4	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
10	KES PU AZMAN: MANGSA DIPANGGIL LAGI BERI KETERANGAN DI MAHKAMAH	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1237807/kes-pu-azman-mangsa-dipanggil-lagi-beri-keterangan-di-mahkamah	BHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/04/22/pu-azman-mengaku-sengaja-tutup-ruang-komen-ig/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/04/kes-amang-seksual-pu-azman-mangsa-dipanggil-sekali-lagi-beri-keterangan/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/660861/berita/semasa/kes-amang-seksual-pu-azman-saksi-remaja-beri-keterangan-hampir-2-jam	SINARHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

23/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
11	SUKARELAWAN PENGUAT KUASA SYARIAH DIDAKWA CABUL WANITA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1082571/sukarelawan-penguat-kuasa-syariah-didakwa-cabul-wanita	HMETRO.COM.MY
	https://www.malaysiakini.com/news/703216	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/sukarelawan-pegawai-penguat-kuasa-syariah-didakwa-cabul-wanita/	BULETINTV3.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/sukarelawan-pegawai-penguat-kuasa-syariah-dituduh-cabul-gadis/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/660837/berita/semasa/sukarelawan-penguat-kuasa-syariah-didakwa-cabul-gadis	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1237730/sukarelawan-penguat-kuasa-syariah-mengaku-tak-salah-cabul-gadis	BHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=IbZ8f5FKIRs	YOUTUBE



📍 Nura V Lorna 📰 Sarawak News 📅 22 April 2024

Easier now for families to visit graves



Minister of Women, Family and Community Development Datuk Seri Nancy Shukri.


LUNDU: The completion of the project for the upgrading of the cemetery road in Kampung Sungai Cina here marks a significant milestone.

Minister of Women, Family and Community Development Datuk Seri Nancy Shukri said this vital initiative addressed the longstanding issue of the unpaved road.

She added that the road had posed considerable challenges for burial arrangements.

"With the project's successful conclusion, the road now offers improved accessibility, aiming to alleviate the difficulties faced by families visiting their relatives' graves," she said after visiting the site yesterday (Apr 22).

Also present were Lundu District Office representative Muhd Shafiee Ahmad, head of Kg Sungai Cina Habibu Mahmud and Tanjong Datu service centre representative Khairul.



JKM kesan ibu Izz Mateen, Raisya

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
22 April 2024 04:04pm



Izz Mateen, Raisya

SHAH ALAM - Pejabat Kebajikan Masyarakat Cawangan Shah Alam sedang mengesan waris kepada bayi dan seorang kanak-kanak yang ditinggalkan ibu masing-masing.

Pelindungnya, Anis Zainol Abidin berkata, bayi dikenali Izz Mateen ditinggalkan ibunya ketika berusia sebulan di Hospital Sungai Buloh pada 7 Februari lalu, namun pihaknya tiada maklumat lengkap mengenai wanita terbabit yang dikenali sebagai Dina Pudyastuti, berasal dari Indonesia.

Sehubungan itu katanya, waris Izz Mateen yang kini berusia dua bulan dicari bagi mengetahui perancangan penempatan bayi selanjutnya dengan kadar segera.


"Kita sedang mengesan ibu atau waris kanak-kanak tersebut bagi urusan mahkamah pada 10 Mei ini," katanya kepada Sinar Harian pada Isnin.

Dalam pada itu, Anis memberitahu, pihaknya turut mengesan ibu kandung kepada Raisya, 6, yang dikenali sebagai Dina Henderina Haton atau pun waris kanak-kanak terbabit.

Katanya, Raisya ditinggalkan ibu kandungnya juga warga Indonesia di sebuah bilik sewa di U5 di sini.

Beliau memberitahu, kanak-kanak itu dilahirkan pada 5 Februari 2018 di Klinik Pakar Wanita dan Bersalin Subang Permai Selangor.

"Usaha menjejak ibu kandung atau waris gagal dan buat sementara Raisya dijaga oleh orang yang layak dan sesuai berdasarkan perintah mahkamah," kata beliau.



Wanita simbah air panas pada pemuda OKU didakwa esok

Oleh NOOR HASLIZA NUSI 22 April 2024, 6:22 pm



Kamarul Rizal.


GEORGE TOWN – Wanita yang bertindak menyimbah air panas ke arah pemuda orang kelainan upaya (OKU) Sindrom Down, Jumaat lalu akan didakwa di Mahkamah Sesyen Balik Pulau, pagi esok.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Superintendan Kamarul Rizal Jenal berkata, suspek berusia 29 tahun itu akan dituduh mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan iaitu dengan sengaja menyebabkan kecederaan parah dengan menggunakan senjata atau lain-lain benda yang berbahaya.

Terdahulu, Kamarul dilaporkan berkata, perselisihan faham melibatkan perkara sensitif dipercayai menjadi punca suspek wanita bertindak sedemikian terhadap mangsa, dalam kejadian di dalam lif sebuah pangsapuri di Jalan Rajawali, Bayan Lepas, di sini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 9.24 pagi itu, mangsa mengalami kecederaan melecur pada sebahagian depan dan belakang badan sebelah kanan disebabkan terkena air panas dan bukannya asid.

Wanita terbabit kemudiannya ditahan sepasukan polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya pada pukul 9.12 malam, kurang empat jam kejadian tular di media sosial, petang hari yang sama. -KOSMO! ONLINE



Guru lelaki pukul guru wanita direman tiga hari



POLIS mengiringi guru lelaki yang dipercayai memukul seorang guru wanita di Mahkamah Majistret Kemaman, hari ini. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN 22 April 2024, 3:23 pm

KEMAMAN: Seorang guru lelaki yang dipercayai memukul seorang guru wanita di kawasan kantin sebuah sekolah di daerah ini, direman selama tiga hari bermula hari ini hingga Rabu.

Perintah reman itu dibenarkan Majistret Sharifah Amirda Shasha Amir Sharifuddin selepas menerima permohonan daripada pihak polis, hari ini.

Perintah reman terhadap suspek berusia 49 tahun itu dibenarkan bagi membolehkan pihak polis melakukan siasatan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan Seksyen 506, kanun yang sama.

Ketua Polis Daerah Kemaman Superintenden Hanyan Ramlan berkata, suspek ditahan kira-kira pukul 9 malam di kuartersnya, bagi menyiasat punca pergaduhan antara suspek dan mangsa.

Dalam kejadian kira-kira pukul 6.55 pagi semalam, seorang guru wanita yang mengajar subjek Bahasa Inggeris berusia 32 tahun mendakwa ditumbuk dan disepak suspek.

Guru wanita itu mengalami lebam di mata kirinya, membuat laporan polis di Balai Polis Air Putih, dekat sini, kira-kira pukul 8.20 pagi semalam. – UTUSAN



Pencabul kanak-kanak ditahan selepas 9 hari sembunyi di ladang kelapa sawit

Norsyazwani Nasri
an@hmetro.com.my



Suspek ditangkap di kawasan ladang kelapa sawit Batu Niah, Miri. Foto Ihsan Polis

Sri Aman: Lelaki yang dipercayai melakukan amang seksual terhadap seorang kanak-kanak perempuan berusia enam tahun di kawasan tanah perkuburan lama di Kampung Kubal, Betong, 10 April lalu, ditahan polis ketika bersembunyi di ladang kelapa sawit Batu Niah, Miri.

Ketua Polis Daerah Sri Aman Deputy Superintendan Mathew Manggie berkata, suspek ditahan pada 19 April selepas sembilan hari bersembunyi.

"Suspek ditahan anggota Balai Polis Batu Niah dan kini direman lima hari bermula 21 April sehingga 25 April ini," katanya pada kenyataan, hari ini.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.


"Kami menerima laporan berkaitan kes ini jam 6.43 petang, 10 April lalu.

"Suspek kemudiannya melarikan diri selepas kejadian terbabit," katanya.

Menurut beliau, semakin mendapati, suspek mempunyai tiga rekod jenayah berkaitan dadah.

"Orang ramai dinasihatkan supaya lebih peka dan prihatin dengan kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak.

"Jangan sembunyikan sebarang maklumat berkaitan jenayah seksual terhadap kanak-kanak," tegasnya.



Suspek ragut wanita di Klang ditahan di Langkawi

BERNAMA



GAMBAR hiasan

Shah Alam: Seorang lelaki yang diburu polis berkaitan kes ragut seorang wanita di Klang pada 15 April lalu, berjaya diberkas di Langkawi, semalam.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan Asisten Komisioner Cha Hoong Fong berkata, suspek berusia 24 tahun itu ditahan sepasukan polis pelancong Ibu Pejabat Daerah Langkawi di hadapan Medan Selera Penarak, Kuah pada 4.15 petang sebelum dibawa pulang untuk siasatan lanjut.

Beliau berkata, beberapa barang kes turut dirampas dan siasatan awal mendapati suspek warga tempatan itu mempunyai lima rekod lampau berkait jenayah dan dadah.


"Suspek direman empat hari bermula hari ini dan kes disiasat di bawah Seksyen 394 Kanun Keseksaan iaitu dengan sengaja mendatangkan kecederaan semasa melakukan rompakan.

"Pegawai penyiasat juga sedang melengkapkan kertas siasatan dan akan merujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya dalam tempoh terdekat," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Cha berkata, pihaknya menerima laporan daripada seorang wanita tempatan berusia 20 tahun pada Isnin lalu, mendakwa diragut ketika sedang menunggang motosikal untuk ke tempat kerja.

Beliau berkata, mangsa yang ketika itu berada berdekatan Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Raja Zarina, Klang, didatangi suspek yang menunggang motosikal dari arah belakang dan bertindak menarik beg silang pada badan mangsa, menyebabkannya terjatuh dan mengalami kecederaan di kedua-dua tapak tangan, lutut dan bahu kiri.

Susulan itu, Cha berkata, polis membuka kertas siasatan dan melancarkan gerakan memburu suspek yang membawa kepada tangkapannya di pulau peranginan semalam.



Jurulatih bola sepak sambilan tak mengaku cabul tiga pelajar

Alias Abd Rani

am@hmetro.com.my



Muhammad Fikri dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar selepas mengaku tidak bersalah mencabul tiga pelajar. FOTO Alias Abd Rani

Muar: Jurulatih bola sepak sambilan sekali lagi didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini atas empat pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap tiga pelajar, Februari lalu.

Tertuduh, Muhammad Fikri Mohd Yazid, 27, bagaimanapun mengekalkan pengakuan tidak bersalah sebaik pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut semua pertuduhan, dia didakwa melakukan perbuatan itu terhadap ketiga-tiga pelajar berusia 14 dan 15 tahun di sebuah rumah di daerah ini antara 7 hingga 10 pagi, 5 Februari lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) dan (b) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 dan dibaca bersama Seksyen 16 (1) akta sama.

Seksyen 14 memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan, manakala Seksyen 16 pula penjara tidak melebihi lima tahun dan juga sebatan tidak kurang dua kali.

Berdasarkan laporan dibuat mangsa, tertuduh didakwa mengajak mereka datang ke rumah kononnya mahu mengukur jersi.


Kesemua mangsa adalah pemain bola sepak mewakili sekolah, manakala tertuduh yang juga penjual burger menjadi jurulatih sambilan.

Pada hari kejadian, tertuduh dengan niat mahu mengambil kesempatan terhadap ketiga-tiga mangsa sebelum mereka mengadu kepada guru kaunseling dan membuat laporan polis.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah membenarkan ikat jamin terhadap tertuduh sebanyak RM18,000 bagi kesemua pertuduhan dan menetapkan 21 Mei ini untuk sebutan semula kes.

Pada masa sama, mahkamah juga menetapkan tertuduh perlu melapor diri di balai polis berhampiran dan tidak boleh mengganggu atau berhubung dengan mangsa sehingga kes selesai.



Pembantu am didakwa rogol adik saudara dua hari sebelum Aidilfitri



TERTUDUH mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, Ayer Keroh, Melaka atas pertuduhan merogol dan melakukan amang seksual fizikal terhadap adik saudaranya. - UTUSAN/SYAFEEQ AHIMAD

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI 22 April 2024, 1:47 pm

MELAKA: Seorang pemuda didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan merogol dan melakukan amang seksual fizikal terhadap adik saudaranya, dua minggu lalu.

Tertuduh yang berusia 22 tahun, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejourus dua pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah dihadapan Hakim Azaraorni Abd. Rahman.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa merogol seorang perempuan bawah umur berusia 13 tahun enam bulan ketika kejadian.

Sabit kesalahan tertuduh boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun dan sebat mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan.

Tertuduh turut didakwa di bawah Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 yang boleh dihukum di bawah akta sama kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa sama.

Bagi kesalahan itu, tertuduh boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan sebat jika sabit kesalahan.


Semua kesalahan itu dilakukan kira-kira pukul 2 pagi di sebuah rumah bernombor di Pangsapuri Rakyat Sungai Putat, Batu Berendam dalam daerah Melaka Tengah pada 8 April 2024.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Rashidah Baharom mencadangkan jaminan RM20,000 dengan syarat tambahan tertuduh tidak boleh mengganggu mangsa sehingga kes selesai.

Peguam Norfazlinda Alimad merayu jaminan rendah dengan alasan tertuduh yang masih bujang hanya bekerja sebagai pembantu am dengan pendapatan RM1,000 sebulan.

Selain itu, ibu kepada anak guamnya perlu menjalani pembedahan fibroid pada 6 Mei ini.

Mahkamah membenarkan tertuduh dijamin RM10,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan yang dipohon pendakwaan dan menetapkan 10 Jun ini untuk sebutan semula kes. - UTUSAN



Kes PU Azman: Mangsa dipanggil lagi beri keterangan di mahkamah

Oleh **Ahmad Hasbi** - April 22, 2024 @ 7:17pm
bhnews@bh.com.my



Azman ketika hadir di Mahkamah Sesyen di Seremban, hari ini. - NSTP/Azrul Edham

SEREMBAN: Remaja lelaki berusia 18 tahun yang juga mangsa dalam kes amang seksual fizikal dihadapi pendakwah selebriti, Azman Syah Alias atau lebih dikenali sebagai Pencetus Ummah (PU) Azman, dipanggil sekali lagi untuk memberi keterangan sebagai saksi ke-11 pendakwaan, hari ini.

Saksi berkenaan memberi keterangan hampir dua jam di hadapan Hakim Datin Surita Budin pada prosiding yang dijalankan secara tertutup bermula jam 2.30 petang di Mahkamah Seksyen, di sini.

Sebelum ini, kali pertama remaja itu dipanggil memberi keterangan ialah dalam prosiding pada Disember tahun lalu.

Terdahulu, Azman yang juga dikenali sebagai Cik Man, tiba di mahkamah kira-kira jam 1.50 tengah hari bersama peguamnya, Mohamad Zahid Ahmad dan Fahmi Adilah.

Ketika ditemui pemberita di luar mahkamah sejurus selepas prosiding, Azman yang berbaju Melayu berwarna coklat, sempat berseloroh bahawa Aidilfitri sambutannya meriah seperti biasa tetapi tidak diserikan dengan 'kerepek bawang', selain turut mengucapkan 'Selamat Hari Raya, maaf zahir batin' kepada media.


"Saya menyambut raya di Perak bersama saudara-mara di sana. Sekarang, baru balik ke rumah keluarga di Rantau, Seremban," katanya.

Ditanya pemberita mengenai sebab menutup ruang komen dalam Instagramnya (IG) pula, Azman memaklumkan sengaja berbuat sedemikian.

"Saya saja tutup komen dalam IG kerana lebih selesa. Sebelum ini pun saya pernah tutup dan sudah buka balik. Ia bukan kerana tekanan," katanya.

Pendakwaan hari ini dikendalikan Mohd Hadi Hakimi Harun, Goh Hsiao Tung, Nurul Balqis Zunaidi dan Zahida Zakaria. Kali terakhir Azman menghadiri perbicaraan di Seremban ialah pada 15 Julai tahun lalu.

Azman menghadapi 12 pertuduhan berkaitan kesalahan seksual, iaitu lima pertuduhan di Mahkamah Sesyen Seremban, empat pertuduhan di Mahkamah Majistret dan Sesyen Klang, satu pertuduhan di Mahkamah Sesyen Ampang serta dua kes di Mahkamah Shah Alam.



Sukarelawan penguat kuasa syariah didakwa cabul wanita

Rosli Ilham
am@hmetro.com.my

011-2233 1111



Shahar dibawa ke mahkamah. Foto Rosli Ilham

Chukai: Seorang lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret Kemaman dekat sini, hari ini, atas tuduhan mencabul kehormatan seorang wanita, Jumaat lalu.

Shahar Rudin Abd Rashid, 53, seorang sukarelawan pegawai penguat kuasa syariah negeri, mengganggu faham dan meminta dibicarakan sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Sharifah Amirda Shasha Amir Sharifuddin.

Mengikut kertas pertuduhan, Shahrul Rudin didakwa menggunakan kekerasan jenayah terhadap mangsa yang berusia 25 tahun dengan cara memeluk bahagian pinggang bagi maksud mencabul kehormatannya.

Tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan didakwa melakukan kesalahan itu di pantai Teluk Mak Nik, jam 7 petang.

Sabit kesalahan boleh dipenjara 10 tahun atau dengan denda atau sebat atau dengan mana-mana dua daripada hukuman itu.

Sejurus pengakuan tidak bersalah tertuduh direkodkan, mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM3,000 dengan seorang penjamin.

Mahkamah turut mengenakan syarat tambahan yang mana tertuduh tidak boleh mendekati dan mengganggu mangsa serta saksi pendakwaan sehingga kes selesai dibicarakan.

Mahkamah menetapkan 20 Mei ini sebagai tarikh sebutan semula kes.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nur Azhani Azman manakala tertuduh diwakili peguam, Ahmad Ahnaf Zaimi.